

AMANAH DAN PROFESIONALISME

OLEH

DATUK Sr HAJI AMRAN BIN HAJI MOHD MAJID, CQS

B. Sc. (Hons) Quantity Surveying;

B. Jurisprudence (External) [*External Law Degree*];

Certificate in Legal Practice (CLP);

M. Sc. in Project Management;

Certificate in Adjudication;

Professional Diploma in Innovation Management;

Consultant Quantity Surveyor (CQS), FRISM



MUKADIMAH

- Merujuk kepada peraturan 27(1) dalam “QUANTITY SURVEYORS (AMENDMENT) RULES 2016”, peraturan tersebut menyatakan:

A registered Quantity Surveyor shall discharge his duties to his employer or client, as the case may be, with complete honesty.

- Maka adalah jelas seseorang Juruukur Bahan tersebut perlulah melaksanakan tanggung jawabnya dengan jujur demi untuk memastikan tanggung jawan profesionalnya telah dilaksanakan sebagaimana wajarnya.

MUKADIMAH

- Seterusnya, merujuk kepada peraturan 27(5) dalam “QUANTITY SURVEYORS (AMENDMENT) RULES 2016”, peraturan tersebut menyatakan:

Where a registered Quantity Surveyor has obtained the prior approval of the Board in accordance with paragraph (4) he shall not, whilst practising as a Consulting Quantity Surveying Practice, at the same time without disclosing the fact in writing to his client, be a director or substantial shareholder in or agent for any construction firm or company with which he deals on behalf of his employer or client.

MUKADIMAH

- Dalam hal ini adalah jelas menurut peraturan 27(1) tersebut, seorang Juruukur Bahan Konsultan (JUBK) perlulah memaklumkan kepada Kliennya bahawa pihaknya merupakan pemegang saham, atau pengarah atau ejen bagi sebuah Syarikat kontraktor yang mana JUBK tersebut berurusan bagi pihak Klien.
- Adalah jelas berdasarkan kepada kedua-dua peraturan 25(1) dan 27(5), seorang JUBK hendaklah jujur dan melaksanakan tanggung jawab profesional dengan amanah dan hendaklah bertindak untuk tidak memudaratkan kedudukan kliennya

MUKADIMAH

- Begitu juga apabila seorang JUBK hendak membuat tuntutan yuran, rujukan perlulah dibuat kepada terma-terma perjanjian yang telah dipersetujui dengan pihak Klien.

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Bayaran yuran kepada perkhidmatan rundingan adalah berdasarkan kepada terma-terma perjanjian perkhidmatan yang telah dipersetujui.
- Begitu juga jumlah nilai yuran yang dipersetujui adalah berdasarkan terma-terma perjanjian.
- Jumlah yuran dipersetujui bergantung samaada kepada kaedah pengiraan yang telah dipersetujui.
- Begitu juga bayaran yuran bagi setiap peringkat perkhidmatan turut bergantung kepada terma-terma yang dipersetujui iaitu samaada sesuatu peringkat perkhidmatan telah dilaksanakan secara keseluruhan atau bayaran boleh dibuat berdasarkan kadar kemajuan dalam sesuatu peringkat perkhidmatan tersebut.

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Rujukan boleh dibuat kepada kes ***WEA Engineers & Associates Sdn Bhd lwn Grandstep Development Sdn Bhd (2020) 6 MLRH 410.***
- Plaintiff adalah sebuah syarikat perunding kejuruteraan dan berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967.
- Defendan pula merupakan sebuah syarikat pemaju hartanah.
- Plaintiff telah mengemukakan sebutharga bertarikh 18.2.2011 berhubung dengan perkhidmatan kejuruteraan untuk projek perumahan di Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan,

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Pemaju kemudiannya telah mengeluarkan surat lantikan bertarikh 21.2.2011 kepada plaintif di mana pihaknya bersetuju dengan cadangan yuran Plaintif iaitu 1.25% daripada Harga Kerja.
- Dalam hal ini Harga Kerja hendaklah tidak melibatkan kerja-kerja hiasan dalaman (*Interior Decoration – ID*).
- Bayaran perunding dibayar berdasarkan perindgkat perkhidmatan seperti di Apendix A:

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

APPENDIX A

Cadangan Pembangunan Perumahan Di Atas Lot 1287, Seksyen 14, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

	Mode of Payment	%	Cumulative %
A.	<u>Pre-contract (50%)</u>		
	1). Acceptance of preliminary design	10	10
	2). Submission of plans to authorities for approval	20	30
	3). Upon obtaining approval from authorities	10	40
	4). Upon completion of all drawings for calling of tender	5	45
	5). Award of Contract	5	50
B.	<u>Post-contract (50%)</u>		
	1). Contract Administration and Management (by % of progress of works on site)	45	95
	2). Issuance of Certificate of Completion and Compliance (CCC)	5	100

Additional drawings other than stated in your proposal shall be charged based on RM4.00 per A1 size drawing.

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Plaintiff kemudiannya telah menjalankan perkhidmatan rundingan kejuruteraan sivil dan struktur bagi projek tersebut.
- Melalui surat bertarikh 13.10.2014, plaintiff telah mengemukakan dua bilangan inbois masing-masing bertarikh RM231,875.00 dan RM563,750.00.
- Namun demikian pemaju pada 17.11.2014 telah membuat bayaran sebanyak RM57,679.90.
- Dua bilangan bayaran telah dibuat sebanyak RM161,063.58 dan RM1,607.77 masing-masing bertarikh 27.10.2015 dan 3.11.2015. oleh pemaju kepada Plaintiff.

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Kebenaran Merancang untuk projek tersebut telah diperolehi pada 18.7.2016.
- Plaintiff kemudiannya telah mengambil tindakan undang-undang untuk mendapatkan baki bayaran yuran.
- Plaintiff menuntut baki bayaran berdasarkan ketiga-tiga inbois yang telah dikemukakan.
- Menurut Plaintiff, tuntutan inbois adalah berdasarkan peringkat pembayaran yang telah dipersetujui seperti di Appendix A seperti berikut:
 - a) 75% untuk peringkat A1

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- b) 75% peringkat A2
- c) 70% peringkat A3
- d) Tuntutan Tambahan sebanyak RM36093.75 yang merupakan 16.5% peringkat A4.
- Pemaju menegaskan plaintif tidak menyiapkan perkhidmatan kejuruteraan dengan sepenuhnya memandangkan plaintif telah menamatkan kontrak perkhidmatan.
- Sehubungan dengan itu pemaju menegaskan tuntutan plaintif adalah berlebihan.

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Pemaju menegaskan adalah wajar plaintif dibayar sebanyak RM220,351.25 untuk perkhidmatan rundingannya.
- Ini adalah kerana perkhidmatan rundingan oleh plaintif hanya setakat kerja-kerja infrastruktur sahaja dan masih belum lagi ke peringkat struktur bangunan.
- Mahkamah Tinggi mendapati perkhidmatan rundingan plaintif tidak dilaksanakan sepenuhnya.
- Melainkan diperuntukan dalam terma-terma kontrak, bayaran boleh dibuat berdasarkan tahap perkhidmatan rundingan yang telah diberikan berdasarkan prinsip perundangan *Quantum Meruit*.

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Prinsip perundangan *Quantum Meruit* ini telah diperuntukan di bawah seksyen 71 Akta Kontrak 1950.
- Namun demikian sekiranya terma-terma kontrak telah menggariskan kaedah pembayaran bagi perkhidmatan rundingan yang telah dilaksanakan, maka pemakaian penilaian secara *Quantum Meruit* tidak lagi timbul.
- Mahkamah Tinggi meneliti terma-terma kontrak yang mengikat kedua-dua belah pihak dan memutuskan sekiranya terdapat percanggahan di antara sebutharga dengan Surat Pelantikan, maka terma-terma dalam Surat pelantikan adalah mengatasi.

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Mahkamah Tinggi mendapati Surat Pelantikan telah menggariskan perkiraan yuran perkhidmatan rundingan dan juga kaedah pembayaran yuran seperti berikut:
 - a. *The total professional fees excluding Government service tax shall be 1.25% of the costs of the Works but excluding costs of Interior Design (ID) Works.*
 - b. *Schedule of Payment is set out as per attached Appendix A.*
- Mahkamah Tinggi mendapati takrif Kos Kerja (Cost Of Works) yang telah dipersetujui adalah anggaran kos keseluruhan projek tolak anggaran kos kerja ID.
- Sebaliknya tiada peruntukan dalam terma-terma Surat Pelantikan yang menyatakan kos Kerja hanya merangkumi kerja-kerja sivil dan struktur sahaja.

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Mahkamah Tinggi telah merujuk Appendix A berhubung dengan peringkat bayaran seperti berikut:

	Mode of Payment	%	Cumulative %
A.	Pre-contract (50%)	10	
	(1) Acceptance of preliminary design	20	
		10	
	(2) Submission of plans to authorities for approval	5	
	(3) Upon obtaining approval from authorities	5	
	(4) Upon completion of all drawings for calling of tender		
	(5) Award of Contract		

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Mahkamah Tinggi memutuskan bayaran yuran hendaklah berdasarkan peringkat kerja yang telah disiapkan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Bayaran di Appendix A.
- Mahkamah Tinggi telah meneliti fakta kes dan berpuas hati bahawa plaintif telah menyiapkan sebahagian besar peringkat A1.
- Namun demikian Mahkamah Tinggi tidak yakin bahawa Plaintif telah menyiapkan perkhidmatan rundingannya bagi peringkat-peringkat A2 dan A3.

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Memandangkan Plaintiff didapati hanya telah menyiapkan peringkat A1 sahaja, maka penilaian yuran adalah sebanyak $10\% \times 1.2\% \times \text{RM}336,193,895.00 = \text{RM}452,423.69$.
- Memandangkan Pemaju sudahpun membayar sebanyak RM220,351.25, maka baki yang masih perlu dibayar adalah sebanyak RM177,927.56 dan dicampur dengan 6% GST sekiranya terpakai.
- Mahkamah Tinggi juga telah menolak dakwaan Pemaju bahawa perjanjian perkhidmatan rundingan adalah tidak sah di sisi undang-undang di bawah seksyen 7A(1) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 yang menyatakan:

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

Notwithstanding subsections 7(1) and (1A), a sole proprietorship, partnership or body corporate may practise as an Engineering consultancy practice and recover in court any fee, charge or remuneration or other form of consideration for any professional engineering services rendered by it pursuant to its practice as an Engineering consultancy practice carried out by virtue of this section.

- Namun demikian Mahkamah Tinggi tidak dapat membezakan hujjahan Pemaju bahawa apabila Plaintiff membuat satu tuntutan yuran yang berlebihan, maka tindakan sedemikian adalah satu tindakan yang tidak di sisi undang-undang.

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

➤ Mahkamah Tinggi mendapati seksyen 7A(1) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 tidak ada kena mengena dengan tindakan membuat tuntutan yuran yang berlebihan.

➤ Lim Chong Fong,H, dalam penghakimannya antara lain menyatakan:

“...The services rendered by the plaintiff here have been partially performed only...”

“...Be that as it may, it is also necessary to examine the contractual terms made between the parties here on remuneration of partial services performed as contained in the Proposal and Appointment Letter read together. If there is an inconsistency, the latter should prevail over the former as provided in the penultimate clause of the Appointment Letter as follows:

“The terms and conditions of this Letter of Appointment shall take precedence if there is any discrepancy/inconsistency between the terms and conditions of your proposal and this Letter of Appointment....”

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

“...It is not in dispute between the parties that the total fee payable by the defendant to the plaintiff is 1.25% of the costs of works on the whole completion of the Project. Moreover, the fee is payable progressively in stages based on the execution of the Project as set out in the Schedule of Payment appended as Appendix A to the Appointment Letter....”

“..The applicable costs of works is a question of contractual interpretation. In my opinion, the costs of works is the costs for the whole Project minus interior design works....”

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

“..In the circumstances, albeit conceded by the plaintiff that the services in stage A1 was not fully completed in two respects, I find and hold that the plaintiff has nonetheless substantially completed stage A1 of the whole Project and hence entitled to full payment for that stage....”

“...From the evidence adduced particularly from the minutes of the client-consultant meetings, it is also clear that the plaintiff had not completed the other stages of the civil and structural engineering consultancy services beyond stage A1. The plaintiff had produced plans and drawings as well as made submissions and liaised with authorities to obtain approval particularly for the infrastructural works. However, I am not convinced from the evidence adduced in the minutes of the client-consultant meetings that the plaintiff had embarked on the structural drawings and plans of the building works for submission and obtaining approval from the requisite authorities pursuant to stage A2 and stage A3 of the Schedule of Payment....”

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

"...As a result, the plaintiff is hence entitled to payment of stage A1 only as at the mutual termination of the consultancy services contract which is calculated at $10\% \times 1.25\% \times \text{RM}336,193,895.00 = \text{RM}452,423.69$.

Since the defendant has already paid RM220,351.25, the plaintiff should be still be paid the balance of RM177,927.56 plus 6% GST if applicable...."

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Berdasarkan kepada nas-nas perundangan kes ini, adalah jelas perkhidmatan yang telah diberikan perlulah dibayar menurut peruntukan kontrak sebagaimana yang telah dipersetujui.
- Dalam keadaan di mana bayaran yuran adalah berdasarkan peringkat-peringkat perkhidmatan, maka apabila perkhidmatan yang telah diberikan mencapai peringkat yang dipersetujui maka barulah bayaran berperingkat dapat dibuat.
- Dalam hal ini pihak perunding mestilah membuktikan bahawa pihaknya telah melaksanakan kesemua perkara agar perkhidmatan berperingkat yang telah dipersetujui telah dilaksanakan sebelum bayaran yuran berperingkat dapat dibuat.

BAYARAN YURAN PERUNDING BERPERINGKAT

- Sebaliknya sekiranya terma-terma perjanjian membenarkan bayaran dibuat berdasarkan peringkat perkhidmatan tetapi pada masa yang sama bayaran menurut kadar kemajuan perkhidmatan dalam setiap peringkat dibenarkan, maka tuntutan yuran perunding bolehlah berdasarkan kadar perkhidmatan yang telah dilaksanakan.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Merujuk kepada seksyen 15(1)(c) Akta Juruukur Bahan 1967, seksyen itu menyatakan:

(c) if whilst acting in his professional capacity, he at the same time without disclosing the fact in writing to his client, is a sole proprietor, partner, director or member of or substantial shareholder in or agent for any contracting or manufacturing company or firm or business or has any financial interest in such company or firm or business, with which he deals on behalf of his client;

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Menurut seksyen 15(1)(c) Akta Juruukur Bahan 1967, seorang Juruukur Bahan yang berdaftar dengan LJBM perlulah memaklumkan secara bertulis kepada klien atau majikannya bahawa beliau samaada adalah pemilik tunggal, rakan kongsi, pengarah, ahli atau pemegang sebagai besar saham atau mempunyai kepentingan dalam sebuah syarikat yang mana mempunyai urusan dengan klien yang melantik perunding juruukur bahan.
- Dalam hal ini perunding ukur bahan perlulah memaklumkan kepada kliennya secara bertulis sebelum memasuki kontrak perkhidmatan rundingan dengan kliennya.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Perunding ukur bahan pula tidak boleh membuat dalihan bahuwa sekiranya klien membaca prospectus sebuah syarikat yang mempunyai urusan dengan klien, maka sudah tentu akan dapat mengesan bahawa perunding sebenarnya mempunyai kepentingan dalam syarikat tersebut.
- Sebaliknya apa yang disyaratkan di bawah seksyen 15(1)(c) Akta Juruukur Bahan 1967 adalah untuk perunding ukur bahan untuk memakluman secara bertulis akan kepentingan yang wujud dalam sesebuah syarikat tersebut.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Rujukan boleh dibuat kepada kes ***Jetson Construction Sdn Bhd v MCC Overseas (M) Sdn Bhd (2019) 1 LNS 2221***.
- Plaintiff adalah sebuah syarikat kontraktor yang beralamat di Kuala Lumpur. Adalah didapati plaintiff adalah anak syarikat milik penuh Kumpulan Jetson Berhad (KJB).
- Defendan adalah sebuah syarikat yang juga beralamat di Kuala Lumpur.
- Defendan merupakan kontraktor utama yang dilantik oleh majikan untuk menjalankan kerja-kerja bangunan di Jalan Conlay, Kuala Lumpur.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Defendan sebagai kontraktor utama telah melantik plaintif sebagai subkontraktor untuk kerja-kerja pembinaan projek tersebut.
- Kontraktor telah melantik subkontraktor melalui satu surat awad bertarikh 16.6.2017 di mana telah disetujuterima oleh subkontraktor pada 29.6.2017.
- Subkontraktor telah memfailkan tuntutan di Mahkamah Tinggi untuk menuntut kerugian di atas kemungkiran perjanjian subkontrak oleh pihak kontraktor.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Salah satu isu utama adalah untuk menentukan samaada penamatan subkontrak oleh kontraktor utama adalah sah.
- Dalam hal ini persoalan yang perlu ditentukan adalah samaada subkontraktor telah berjaya memenuhi beban undang-undang untuk membuktikan bahawa subkontraktor telah berjaya membuktikan di sisi telah memaklumkan isu berhubung dengan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) atau isu berat sebelah kepada kontraktor utama semasa perjanjian subkontrak dimetrai.
- Percanggahan kepentingan yang dimaksudkan adalah di mana perunding kejuruteraan APECSB telah dilantik untuk memantau dan mengawas kerja-kerja pembinaan yang telah dilaksanakan oleh subkontraktor.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Secara amnya adalah penting untuk perunding kejuruteraan APECSB bertindak secara bebas tatkala menilai kerja pembinaan yang telah dilaksanakan.
- Dalam hal ini terdapat keraguan berhubung dengan kebebasan APECSB memandangkan salah seorang pengarah KJB, iaitu syarikat induk kepada syarikat subkontraktor, juga merupakan salah seorang pengarah dalam firma perunding APECSB. Keadaan ini juga boleh mewujudkan percanggahan kepentingan di pihak APECSB.
- Memandangkan KJB sebenarnya mempunyai kepentingan dalam kedua-dua APECSB dan juga dalam syarikat subkontraktor, maka ini secara terus akan menjejaskan kepentingan kontraktor utama untuk mendapatkan satu penilaian yang adil dan saksama dan juga yang bebas bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh subkontraktor.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Di atas sebab inilah kontraktor utama telah menamatkan pengambilan kerja subkontraktor pada 3.7.2017 iaitu hanya 2 minggu selepas terkeluarnya surat awad bertarikh 16.6.2017 dan 4 hari selepas subkontraktor menerima perjanjian subkontrak bertarikh 29.6.2017.
- Asas penamatan subkontrak oleh kontraktor utama adalah kegagalan subkontraktor memaklumkan bahawa pengarah APECSB adalah juga pengarah dalam KJB.
- Sehubungan dengan itu subkontraktor mendakwa penamatan yang telah dibuat adalah salah di sisi undang-undang dan juga menuntut kerugian keuntungan.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Mahkamah Tinggi telah merujuk kepada seksyen 33F Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) 1994 yang menyatakan:

The Lembaga or any other body authorized by law may, from time to time, formulate, develop, revise and approve any code of practice which is suitable and necessary for the construction industry.

- Ini bermakna LPIPM boleh menyediakan satu kod amalan yang sesuai dan perlu untuk Industri Pembinaan.
- Merujuk kepada perenggan 2(a) dalam *First Schedule of the Registration of Contractors (Construction Industry) Regulations 1995*, perenggan tersebut telah menetapkan kontraktor wajib mematuhi terma-terma dan syarat yang dikenakan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Dalam hal ini LPIPM telah menerbitkan *Contractor Registration Requirements and Procedures Handbook* telah antara lain menyatakan kontraktor perlulah mematuhi kod amalan yang telah ditetapkan dalam *CIDB Contractor Code of Ethics Handbook* (selepas ini dirujuk sebagai Buku Panduan).
- Merujuk *Principle 1 (9)* dalam Buku Panduan tersebut antara lain menyatakan kontraktor hendaklah memaklumkan kepada kliennya berhubung dengan percanggahan kepentingan yang boleh timbul semasa pelaksanaan sesebuah projek pembinaan.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Sehubungan dengan itu Mahkamah Tinggi perkara pokok yang perlu diputuskan adalah samaada wujudnya satu percanggahan kepentingan.
- Tambah lagi dalam perjanjian subkontrak, kedua-dua kontraktor utama dan subkontraktor bersetuju bahawa masing-masing akan mematuhi Akta LIPM 1994.
- Mahkamah Tinggi mendapati meskipun KJB dan subkontraktor adalah dua entiti yang berbeza, namun mana-mana tindakan yang tidak sah di sisi undang-undang membolehkan Mahkamah Tinggi untuk menyingkap tirai perbadanan.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Dalam hal ini Mahkamah Tinggi bersetuju sememangnya wujud satu percanggahan kepentingan memandangkan En X merupakan pengarah dalam syarikat KJB dan En X juga merupakan pengarah dalam syarikat perunding APECSB.
- Dalam hal ini sudah tentulah KJB dan perunding APECSB akan mempunyai kepentingan bagi memastikan subkontraktor dibayar untuk pelaksanaan projek ini.
- Ini menunjukkan bahawa kesaksamaan dan kebebasan APECSB sebagai seorang peraku yang bebas boleh diragui dan dipersoalkan.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Persoalan yang berikutnya adalah untuk menentukan samaada subkontraktor pernah memaklumkan atau wujudnya satu komunikasi yang mencukupi daripada subkontraktor kepada kontraktor utama berhubung dengan isu percanggahan kepentingan ini.
- Subkontraktor menegaskan pihaknya telahpun berkomunikasi dengan dua cara iaitu:
 - a) Pengumuman berkala oleh Bursa Saham Kuala Lumpur kepada orang awam;
 - b) Subkontraktor telah mengemukakan Laporan Tahunan Syarikat Plaintiff Tahun 2016 kepada kontraktor utama.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Subkontraktor menegaskan sekiranya kontraktor utama meneliti dan menjalankan satu usaha yang wajar, maka sudah tentulah kontraktor akan mengetahui bahawa En. X merupakan pengarah dalam syarikat KJB dan juga Pengarah dalam syarikat perunding APECSB.
- Sehubungan dengan itu subkontraktor menegaskan pihaknya telahpun melaksanakan tanggung jawabnya di sisi undang-undang untuk memaklumkan kemungkinan wujudnya satu percanggahan kepentingan di bawah Akta LIPM 1994 dan juga Buku Panduan.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Sebaliknya kontraktor utama menafikan bahawa subkontraktor pernah memaklumkan kepadanya bahawa ada kemungkinan wujudnya satu percanggahan kepentingan.
- Kontraktor utama hanya mengetahui bahawa En. X mempunyai saham dan mempunyai kepentingan dalam syarikat induk KJB dan syarikat perunding APECSB.
- Mahkamah Tinggi setelah meneliti fakta kes mendapati bahawa subkontraktor sebenarnya tidak pernah memaklumkan kepada kontraktor berhubung dengan isu percanggahan kepentingan ini.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Ini adalah kerana menurut Buku Panduan yang dikeluarkan oleh LPIPM, pihak subkontraktor perlulah memaklumkan kepada kontraktor utama secara khusus berhubung dengan isu percanggahan kepentingan ini.
- Sebaliknya laporan tahunan syarikat subkontraktor lebih merupakan satu laporan berhubung dengan struktur korporat dan juga kedudukan pegangan saham.
- Apa sebenar yang dihujjahkan oleh subkontraktor adalah seharusnya kontraktor utama dapat membaca atau mengesan dalam laporan tahunan 2016 akan wujudnya satu percanggahan kepentingan.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Tatapi ini adalah berbeza dengan tanggung jawab yang telah dinyatakan dalam Buku Panduan LPIP di mana subkontraktor perlulah secara khusus memaklumkan kepada kontraktor utama.
- Sehubungan dengan itu kegagalan kontraktor untuk mengesan percanggahan kepentingan dalam Laporan Tahunan 2016 tersebut tidak mengubah tanggung jawab subkontraktor untuk memaklumkan secara khusus berhubung dengan percanggahan kepentingan ini.
- Mahkamah Tinggi juga mendapati pengumuman berkala daripada Bursa Saham lebih tertumpu kepada struktur korporat syarikat dan juga pegangan saham sahaja.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Akhirnya Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa subkontraktor gagal memaklumkan kemungkinan percanggahan kepentingan sebagaimana yang diperlukan di sisi undang-undang.
- Sehubungan dengan itu Mahkamah Tinggi memutuskan penamatan subkontrak oleh kontraktor utama adalah sah di sisi undang-undang.
- Adalah menjadi satu prinsip perundangan yang mantap bahawa Mahkamah boleh meluluskan tuntutan perbelanjaan tambahan (*wasted expenditure*) atau kerugian yang dijangkakan (*expected loss*).

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Mahkamah Tinggi mendapati tempoh perjanjian subkontrak ini hanya selama 1 minggu di mana perjanjian subkontrak dimasukkan pada 29.6.2017 dan ditamatkan oleh kontraktor utama pada 3.7.2017.
- Ini bermakna hanya sedikit kerja sahaja yang telah dilaksanakan di tapak bina. Dalam hal ini Mahkamah Tinggi sukar untuk meluluskan nilai kerja yang telah dilaksanakan dalam tempoh kerja yang singkat iaitu selama satu minggu.
- Mahkamah Tinggi juga mendapati subkontraktor telah mengemukakan bahan-bahan bukti yang sedikit sahaja yang menyukarkan penilaian kerugian keuntungan dibuat.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Mahkamah Tinggi juga mendapati tiada lukisan kerja telah diberikan kepada subkontraktor dan ini sudah tentu menyukarkan penilaian kerugian keuntungan.
- Mahkamah Tinggi juga mendapati berdasarkan kepada nas-nas perundangan yang telah diputuskan sebelum ini penilaian kerugian keuntungan hendaklah tidak hanya berdasarkan spekulasi, agakan atau unjuran sahaja.
- Sebaliknya sekiranya subkontraktor gagal membuktikan kerugian keuntungan, maka subkontraktor boleh memilih untuk menuntut perbelanjaan yang terbazir (*wasted expenditure*).

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Mahkamah Tinggi mendapati tuntutan kerugian keuntungan subkontraktor adalah berbentuk spekulatif memandangkan lukisan-lukisan pembinaan masih belum lagi diserahkan kepada subkontraktor.
- Dalam hal ini sudah tentulah pihak subkontraktor tidak dapat menentukan kos pembinaan yang terlibat untuk menyiapkan kerja dan dengan itu sekali gus adalah sukar untuk subkontraktor untuk menentukan kerugian keuntungan yang boleh diraih.
- Mahkamah Tinggi juga mendapati perunding APECSB masih belum lagi menyelaraskan kadar-kadar harga subkontrak yang terlibat.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Maka ini lebih menyukarkan lagi untuk subkontraktor menuntut kerugian keuntungannya.
- Akhirnya Mahkamah Tinggi menolak tuntutan kerugian keuntungan subkontraktor dan memutuskan pihak subkontraktor sendiri yang telah memungkir tanggung jawab subkontraknya.
- Mahkamah Tinggi juga menolak tuntutan balas kontraktor utama terhadap subkontraktor memandangkan ketiadaan bukti yang mencukupi.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Azimah Omar, H, dalam Penghakimannya antara lain menyatakan:

“...The Conflict of Interest here is simply this. In efforts to perform the contract, an independent Civil and Structural Engineering Consultant, Asia Pacific Engineering Consortium Sdn Bhd (“the Consultant”) was appointed to independently oversee and certify works and progress done by the Plaintiff. The Consultant is responsible to examine and certify the Plaintiff’s work in order to determine the progress of the Plaintiff’s work and the quantum or value of which the Plaintiff would be entitled for payments....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

“...The independence of the Consultant is of paramount importance. And when the fealty, loyalty or integrity of the Consultant has room for doubts, then there would be Conflict of Interest. The alleged doubt and conflict here is this; The Consultant and the Holding Company of the Plaintiff, “KJB” shares a common shareholder and director, one Mr Phoa Boon Ting (“Phoa”)....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

“...Considering that KJB has interest in both the Plaintiff and the Consultant, then the loyalty and fealty of the Consultant is indeed open to doubt and question. KJB has interest in that its subsidiaries be paid and be profitable while KJB has interest in that the Consultant is responsible to certify whether or not KJB’s subsidiary (the Plaintiff) should be paid under the Contract. Both interest of which is in direct conflict of the interest of the Defendant for a fair and independent valuation of the Sub-Contractor’s work....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

“...It is on this Conflict of Interest that the Defendant opted to terminate the sub-contract on 3.7.2017 (i.e. barely two weeks from the issuance of the Letter of Award dated 16.6.2017 and four (4) days upon Plaintiff’s acceptance of the sub contract on 29.6.2017) on the grounds that the Plaintiff had failed to disclose Phoa’s interest in both KJB (as the Plaintiff’s Holding Company) and the Consultant to the Defendant. Thus, the Plaintiff now sues for alleged wrongful termination and is claiming for expected profits (future losses) if the subcontract was successfully performed and wasted expenditures....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Principle 1 (9) of the Handbook clearly stipulates that contractors mandatorily must inform their clients of any conflict of interest: “All contractors must inform their clients of any conflict of interest which may arise during the implementation of construction project”

“...Be that as it may, the fact that the Plaintiff as subsidiary and KJB as Holding Company are two separate entities, this Court is still minded that no principle of law should allow the Court to be an instrument to defeat a statute. And such unlawful conduct to defeat a statute is valid ground for a Court to lift the veil of incorporation. Thus, there is ample room for this Court to pierce through the veil between the Plaintiff and KJB if this Court finds that the Plaintiff is indeed in breach of the CIDBA. This Court cannot simply allow the principle of incorporation to be a conduit for the Plaintiff to sidestep the CIDBA....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

“...Having the above in mind, this Court has no hesitation to find that there indeed a glaring Conflict of Interest existing in having Phoa playing both sides of the opposite fence as the subcontractor and the supposedly independent consultant, certifying the work of the sub- contractor.

Thus, it is opportune now to turn to the main issue to be determined; Whether or not there was sufficient communication by the Plaintiff to the Defendant of the Conflict of Interest....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

“...There is not an iota of doubt that this Court answers this question (Whether or not the Plaintiff has sufficiently fulfilled its legal burden to inform of any Conflict of Interest or partiality to the Defendant in leading up into the entry of the sub-contract) in the negative. Undeniably, the Plaintiff has not fulfilled its legal duty to specifically inform the Defendant of the possible conflict of interest. There is no doubt to this Court that the Plaintiff has either failed to inform the Defendant or has attempted to conceal such conflict of interest in the guise of general communication via the Bursa Announcements and the 2016 Annual Report. The reason for this finding is simply the following:”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

“..It must be emphasized that the narrative between ‘informing of possible conflict of interest’ and ‘informing of general information inclusive of company structure and shareholding’ is vastly and greatly different.

The law in the Handbook and the CIDBA requires specific communication of specific information (that being the conflict of interest) to specific recipient (that being the client or the Defendant here).

“...It is pertinent to understand that the law requires the Plaintiff to inform of conflict and not for the Defendant to discover such conflict....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

“...Thus, this Court finds that indeed the Plaintiff is indeed in breach of its legal obligation to properly and specifically inform the Defendant of the possible conflict of interest that may arise from Phoa’s shareholding in JKB and the Consultant.

Therein with, the Plaintiff as the breaching party cannot seek any remedy and recourse from the law and is not entitled to damages for breach of contract. This Court accordingly finds that the Defendant’s termination of the sub-contract is valid and justified. Thus, this Court dismisses the entirety of the Plaintiff’s claim....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

“...In cases of breach and termination of contract, the Court can either (or the parties may elect or attempt to claim) grant wasted expenditure or expectation loss. The former is to bring the parties to the status quo before the contract was entered and the latter to bring the parties to the circumstance as though the contract was successfully performed.

Nonetheless, parties cannot at its whims and fancies simply elect to claim for either two or to both. It is incumbent upon the Court to test the claim against the needs of justice and other prevailing principles of contract law....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

“...In the present case, the Plaintiff wildly attempts to claim for future loss of profits (assuming that the sub-contracts was fully performed and was profitable) although there is very little evidence tendered into Court to evince any real work has been done to justify such enormous claim for profits. It needs to be reminded that the lifetime of the sub-contract is barely one week old....”

“...Nonetheless, considering the infant state of the sub-contract, the gross lack of work or lack of evidence of work thereof, it is highly unlikely that such grand multimillion loss of profits was foreseeable when tested against the grave absence of work under the subcontract. The Court's paramount duty is to ascertain the most appropriate damages to be awarded given the circumstances. And the circumstances of the present case is most appropriately should be dealt with the view of returning the parties to the status quo before the contract was entered into and not simply project and assume profits from a project that has yet even commenced....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

“...How can a mega project be proven to be worked on if there is not even any technical drawing in evidence adduced by the Plaintiff? The answer is simply that there are not enough work done to warrant a grand speculation of profits gained or lost. It still remains unclear at this early and infant stage whether the project would ever come into fruition or would come up profitable or a loss....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

“...Accordingly this Court also dismissed all other heads of claim by the Plaintiff. The Plaintiff is the wrongful party who had breached the sub- contract and cannot make a case out of its own breach.

On the same reason of the infancy of the sub-contract and the brief lifetime of the sub-contract this Court also dismisses the Defendant’s counterclaim.

There’s hardly any loss or damages provable considering the brief lifetime of the sub-contract on both ends of the Plaintiff and Defendant....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Berdasarkan kepada nas-nas perundangan kes ini apabila seorang perunding mempunyai kepentingan atau menjadi pengarah dalam sebuah syarikat kontraktor atau subkontraktor dinamakan, maka adalah wajar pihaknya memaklumkan kepada majikan sebelum memasuki sebuah kontrak perkhidmatan rundingan.
- Sekiranya ini gagal dilaksanakan, maka adalah dikhuatiri pihak majikan akan mengambil tindakan untuk menamatkan kontrak perkhidmatan perunding.
- Ini adalah kerana majikan perlulah yakin bahawa perunding akan bertindak secara bebas dan pada masa yang sama melindungi kepentingan majikan.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Sekiranya perunding mempunyai kepentingan dengan pihak kontraktor atau subkontraktor dinamakan yang menjalankan kerja pembinaan dan pada masa yang sama menjadi perunding majikan bagi projek yang sama, maka ini sudah tentu mewujudkan satu percanggahan kepentingan.
- Ini juga membolehkan majikan membuat aduan salah laku profesional di bawah akta profesional masing-masing.
- Kontraktor boleh membuat tuntutan kerugian keuntungan atau keuntungan perbelanjaan terbazir (perbelanjaan tambahan) tetapi perlulah memilih salah satu di antaranya.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- Adalah agak sukar bagi kontraktor untuk menuntut kerugian keuntungan sekiranya penamatan kontrak dibuat di peringkat awal dan sekiranya lukisan-lukisan pembinaan masih belum lagi dikemukakan kepada kontraktor.
- Ini adalah kerana kontraktor hanya mempunyai sedikit bukti sahaja untuk membuktikan kerugian keuntungannya.
- Dalam hal ini adalah lebih wajar bagi kontraktor untuk menuntut perbelanjaan terbazir atau perbelanjaan tambahan sahaja.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Seorang Profesional mempunyai tanggung jawab fidusiari atau tanggung jawab amanah untuk bertindak bagi kepentingan kliennya adan bukannya untuk mendahului kepentingan diri sendiri.
- Kepentingan tanggung jawab fidusiari ini boleh dilihat di bawah peraturan 35 di bawah QUANTITY SURVEYORS (AMENDMENT) RULES 2016. Peraturan 35 tersebut menyatakan:

A registered Quantity Surveyor practising as a Consulting Quantity Surveying Practice shall not act in a professional capacity for an employer or client and a contractor on the same project except on the specific instructions of the employer.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Merujuk kepada peraturan 35 tersebut adalah jelas seorang Juruukur Bahan Konsultan tidak boleh menjadi seorang perunding kepada majikan (klien) dan pada masa yang sama menjadi perunding kepada kontraktor bagi projek yang sama.
- Ini sudah tentu meletakkan seorang Juruukur Bahan Konsultan dalam keadaan yang melibatkan percanggahan kepentingan (*Conflict of Interest*). Maka ini boleh terjumlah kepada satu salah laku professional.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Begitu juga keadaannya apabila pengarah dalam sebuah syarikat perunding didapati tidak mendahului kepentingan syarikatnya tetapi sebaliknya mendahului kepentingan diri sendiri apabila menjalankan perkhidmatan rundingannya, maka ini menunjukkan pengarah tersebut telah memungkir tanggung jawab fidusiarinya.
- Sebagai seorang pengarah syarikat rundingan sudah tentulah beliau perlu mendahului kepentingan syarikat apabila menjalankan perniagaan rundingan syarikat.
- Sebaliknya sekiranya beliau mendahului syarikat lain di mana pihaknya menjadi pengarah untuk memberi perkhidmatan yang sama bagi projek yang sama, maka Pengarah tersebut telah memungkir tanggung jawab fidusiarinya.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Rujukan boleh dibuat kepada kes ***Cheah Chee Fong Iwn Yah Kem Chui & Anor (2023) MLRA 686.***
- Perayu dan Responden No. 1 (R1) telah menubuhkan sebuah syarikat perunding kejuruteraan (Syarikat Perunding) pada 25.2.2002 dalam bidang sivil, struktur dan geoteknik dan kerja-kerja asas. Perayu dan R1 merupakan pengarah Syarikat Perunding.
- Ketika syarikat perunding tersebut ditubuhkan, R1 pada masa yang sama merupakan pengarah bagi Syarikat GMSB yang memberi perkhidmatan rundingan kejuruteraan dalam bidang geoteknik dan kerja-kerja asas sahaja.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Adalah didapati syarikat perunding dan Syarikat GMSB berkongsi alamat bangunan, memandangkan kedua-dua syarikat mempunyai pajabat dalam bangunan yang sama.
- Memandangkan mungkin terdapat percanggahan kepentingan, maka perayu dan R1 telah bersetuju untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - a) Sekiranya perayu berjaya mendapat kerja rundingan untuk geoteknik dan struktur, maka syarikat perunding akan melaksanakan perkhidmatan kejuruteraan tersebut.
 - b) Sekiranya R1 berjaya mendapat kerja yang melibatkan sivil, struktur, geoteknikal dan kerja-kerja asas, maka syarikat perunding akan melaksanakannya.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- c) Sekiranya R1 berjaya mendapatkan kerja geoteknik dan asas, maka Syarikat GMSB akan melaksanakannya.
- Adalah didapati banyak isu telah timbul yang menyebabkan keyakinan dan kepercayaan di antara perayu dan R1 terjejas.
- Perayu percaya perhubungannya dengan R1 telah mencapai satu keadaan yang buntu dan perayu turut percaya bahawa tiada penyelesaian untuk merungkaikan kebuntuan tersebut.
- Pada 8.7.2020 perayu telah memfailkan satu petisyen untuk menggulungkan syarikat perunding menurut seksyen 465(1)(f) dan/atau (h) Akta Syarikat 2016.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Perayu menegaskan Syarikat Perunding perlulah digulungkan dengan alasan R1 telah bertindak hanya untuk kepentingan diri sendiri dan tidak bertindak untuk kepentingan Syarikat Perunding.
- Dalam hal ini Perayu menegaskan tindakan R1 tersebut didapati tidak adil atau tidak saksama dan dengan itu adalah adil untuk Syarikat Perunding digulungkan.
- Malangnya Mahkamah Tinggi pada 24.5.2021 telah menolak petisyen Perayu untuk Syarikat perunding digulungkan.
- Perayu telah merayu di atas keputusan Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Rayuan.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Mahkamah Rayuan telah merujuk kepada seksyen 465(1)(f) dan (h) Akta Syarikat 2016 yang menyatakan:

(1) The Courts may order the winding up if -

(f) the directors have acted in the affairs of the company in the directors' own interest rather than in the interests of the members as a whole or acted in any other manner which appears to be unfair or unjust to members;

(h) the Court is of the opinion that it is just and equitable that the company be wound up;

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Merujuk kepada seksyen 465(1)(f) Akta Syarikat 2016, sebuah syarikat boleh digulungkan sekiranya salah seorang pengarah didapati bertindak untuk kepentingannya sendiri tatkala menguruskan Syarikat Perunding yang didapati tidak adil dan tidak saksama kepada pemegang saham syarikat tersebut.
- Mahkamah Rayuan juga telah merujuk kepada seksyen 218(1)(e) Akta Syarikat 2016 yang antara lain menyatakan seorang pengarah tidak boleh, melainkan mendapat izin atau diratifikasi dalam mesyuarat agung syarikat, untuk menjalankan perniagaan didapati bersaing dengan syarikat dan yang akan memudaratkan kedudukan syarikat.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Setelah 10 tahun Syarikat Perunding ditubuhkan, R1 telah menubuhkan firma perundingan kejuruteraan di mana R1 adalah pemilik tunggal dengan menggunakan nama Perunding GC. Perkhidmatan rundingan yang diberikan adalah berkaitan dengan kerja geoteknik dan kerja asas.
- Perayu telah merujuk dua contoh yang menunjukkan R1 telah bertindak untuk membelakngkan kepentingan Syarikat Perunding.
- Contoh pertama adalah berhubung dengan projek KLIA 2 di mana, R1 melalui GMSB telah dilantik sebagai perunding geoteknik tetapi didapati telah menggunakan perkhidmatan Jurutera Syarikat Perunding.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Satu lagi contoh adalah projek TWP di mana R1 didapati mengemukakan cadangan yang menyatakan kesemua kerja geoteknik akan dilaksanakan oleh GMSB manakala kerja struktur dan sivil akan dilaksanakan oleh syarikat bersekutunya iaitu Syarikat Perunding.
- Dalam hal ini Syarikat Perunding telah dibayar yuran sebanyak RM310,000.00 manakala GMSB telah dibayar yuran sebanyak RM885,000.00.
- Setelah meneliti fakta kes Mahkamah Rayuan bersetuju bahawa tindakan berhubung dengan kedua-dua projek tersebut telah menjejaskan kepercayaan dan keyakinan perayu terhadap R1.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Mahkamah Rayuan mendapati terdapat bukti yang menunjukkan tiada kepercayaan dan keyakinan oleh perayu terhadap R1.
- Dalam hal ini adalah jelas R1 telah meletakkan dirinya dalam keadaan percanggahan kepentingan di antara GMSB dan Syarikat Perunding.
- Sehubungan dengan itu Mahkamah Rayuan bersetuju untuk meluluskan petisyen Perayu untuk menggulungkan Syarikat Perunding.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Gunalan Muniandy, HMR, dalam penghakimannya antara lain menyatakan:

“....Where there is a functional deadlock in the management of the company concerned and an irretrievable breakdown in trust and confidence between the only shareholders it would be sufficient ground to order winding up of the company. [See Privy Council case of Lau v. Chu [2020] 1 WLR 4656]....”

“...It bears reiterating that a company may be wound up if the directors are shown to have acted in their own interests in managing the affairs of the company that appears to be unfair or unjust to members. [Section 465(1)(f), CA]. This ground is linked to the averment that r 1 had placed himself in a conflict of interest position when he engaged in a business that was directly in competition with R.1's primary business....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

“....Of foremost importance in deciding the issue at hand is s 218(1)(e) of the CA which provides that a director of a company shall not without the consent or ratification of a general meeting engage in business, which is in competition with the company, to gain directly or indirectly a benefit for himself or any other person, or cause detriment to the company.

It is settled principle of company law that directors as fiduciaries must not place themselves in a position in which there is a conflict between their duties to the company and their personal interests or duties to the others. One of the most obvious examples of a situation which gives rise to a conflict between a director's interest and his duties is where he carries on or is associated with a business competing with that of the company. [See the textbook “Gower's Principle of Modern Company Law (2007)”]....”

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

“...The substratum of the relationship of the parties have been so seriously eroded that there is no longer any basis for the petitioner to continue to hope for the situation to improve.

This is a fit and proper case for the Company to be wound up under s 465(1)(f) and (h) and we hereby grant an Order in Terms of prayers (a), (b) and (c) of the Petition....”

- Berdasarkan kepada nas-nas perundangan kes ini, adalah jelas pengarah dalam sesebuah syarikat mempunyai tanggung jawab amanah atau fidusiari apabila mentadbir dan mengurus syarikat tersebut.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PENGARAH

- Pengarah sesebuah syarikat hendaklah tidak meletakkan kedudukannya dalam keadaan di mana dirinya mempunyai percanggahan kepentingan dengan syarikat di mana pihaknya mempunyai kepentingan.
- Apabila ini berlaku maka sudah tentulah pengarah syarikat tersebut terpaksa membuat pilihan samaada untuk mendahulukan syarikat yang beliau menjadi pengarah atau syarikat lain yang pihaknya mempunyai kepentingan.
- Sekiranya pihaknya membuat keputusan untuk mendahulukan syarikat yang pihaknya mempunyai kepentingan berbandingkan dengan syarikat pihaknya dilantik sebagai Pengarah, maka pihaknya telah melanggar seksyen 465(1)(f) Akta Syarikat 2016.

RUMUSAN

- Berdasarkan kepada perbincangan kes-kes Mahkamah, beberapa perkara bolehlah dirumuskan:
 - a) Bayaran yuran perunding perlulah dibuat dengan merujuk kepada terma-terma perjanjian yang telah dipersetujui.
 - b) Seorang JUB hendaklah melaksanakan tanggung jawab profesionalnya dengan jujur dan amanah. Dalam hal ini seorang JUB tidak boleh memberi perkhidmatan rundingan yang didapati bercanggah dengan terma-terma perjanjian di mana boleh melibatkan kemungkiran tanggung jawab fidusiarinya.

RUMUSAN

- Sebagai seorang Pengarah Syarikat Perunding Ukur Bahan, Pengarah tersebut tidak boleh membelakangkan kepentingan Syarikat tersebut demi untuk mendahulukan kepentingan Pengarah itu sendiri.

TERIMA KASIH